

PERCERAIAN DALAM KALANGAN PASANGAN DEWASA PERTENGAHAN DI PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH HULU LANGAT (PAIDHL): EKSPLORASI FAKTOR

**Noor Syaibah Shabuddin, Norazilah Johari, Norhasima Abdullah dan
Syazwana Aziz**

Kolej Universiti Islam Melaka

ABSTRAK

Perceraian merupakan satu fenomena global yang berlaku dalam institusi perkahwinan di seluruh dunia. Statistik perceraian secara umumnya mencatatkan peningkatan kes perceraian setiap tahun di kebanyakan negara di dunia. Malah, lebih membimbangkan apabila rekod mendapati perceraian di akhir usia turut meningkat. Perceraian di akhir usia yang berlaku memberi kesan psikologikal bukan sahaja kepada diri individu itu sendiri tetapi juga kepada individu di sekeliling mereka termasuklah anak-anak, keluarga dan juga masyarakat. Artikel ini membincangkan faktor-faktor perceraian yang berlaku dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan. Selain itu, kaedah perceraian, kesan perceraian terhadap psikologi individu, pandangan terhadap institusi perkahwinan dan juga penyesuaian dan masa depan selepas perceraian turut diketengahkan. Kajian secara kualitatif ini dijalankan terhadap tiga orang responden berumur 50 tahun dan ke atas. Data dikumpul melalui temubual berstruktur dan juga separa berstruktur. Hasil kajian menunjukkan terdapat lapan faktor yang dikenalpasti menjadi penyumbang kepada peningkatan kadar perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan iaitu; faktor personaliti, masalah seksualiti, komunikasi, campur tangan pihak ketiga, penyalahgunaan dadah, kurang didikan agama, pengabaian tanggungjawab, dan faktor ditinggalkan pasangan. Antara penemuan baru yang dikenalpasti dalam kajian ini adalah faktor gangguan sihir yang dilihat turut menyumbang kepada perceraian dalam kalangan dewasa pertengahan.

Kata kunci: *Perceraian, Umur Pertengahan Dewasa, Faktor Perceraian*

DIVORCE AMONG MIDDLE ADULT SPOUSES AT PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH HULU LANGAT (PAIDHL): FACTOR EXPLORATION

ABSTRACT

Divorce is a global phenomenon that occurs in marital institution all over the world. In general, rate of divorce reported increase every year for most countries in the world. Instead of this increment, rate of late-life divorces also increase. This late-life divorces phenomenon affects whole of individual life. People who involve in this gray divorce will face the psychological effects including emotions, behavior and their cognitive. Moreover, divorce not only affects the individual but also to other people around them such as children, family members and society as well. This article discussed on factors of late-life divorces that lead to this increased phenomenon. In addition, this study will look at the method of divorce that applied, effects of divorce on individual psychological well-being, views on the marriage institution and the adaptation process after people getting divorce. Method of study is by using qualitative research method where the researcher handles a structured and semi-structured interview for the research respondents. The respondents who involve in this study were people at aged of 50 years old and above who already divorced by their spouse. All the data was collected through an interview. The result indicates that there are eight main factors that contributes to the rise in divorce rate of older persons. These factors include personality factor, sexuality problems, interruption in communication, third-party intervention, drug abuse, lack of religion upbringing, irresponsibility, and left by spouse. Result of this study also find the new factor that leads to late-life divorce is an interruption of black magic practice in husband and wife relationship.

Keywords: Divorce, Middle Age, Factor of Divorce

PENGENALAN

Agama Islam melihat perkahwinan sebagai suatu Sunnah yang sangat dituntut kepada umatnya yang sudah cukup syarat. Malah, banyak hadis menyebut tentang kelebihan berumahtangga, termasuklah hadis yang menyatakan “*Sesiapa yang sudah berkemampuan dan mendirikan rumah tangga, maka sempurnalah sebahagian dari agamanya*”. Ini disebabkan ikatan perkahwinan itu menghalalkan dan membolehkan lelaki dan perempuan hidup bersama sebagai suami isteri melalui akad nikah dengan persetujuan dan kerelaan kedua-dua pihak (Siti Fatimah dan Haslee Sharil Lim, 2006). Di Malaysia, rekod dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) pada 2013 mendapati seramai 365, 423 jumlah pasangan

merangkumi pasangan Muslim dan bukan Muslim yang dilaporkan telah bercerai antara tahun 2004 hingga 2012. Daripada jumlah itu, seramai 148, 806 pasangan Muslim dan 65, 993 pasangan bukan Muslim telah berkahwin pada tahun 2012 dan perceraian dicatatkan berlaku sebanyak 32 peratus bagi pasangan Muslim dan 14 peratus bagi pasangan bukan Muslim.

Dari sudut umur pula pasangan pula, dapatan dari rekod JKSM mendapati kebanyakan kes perceraian yang berlaku melibatkan pasangan berumur 35 tahun ke bawah dengan tempoh perkahwinan antara 1 hingga 6 tahun. Namun, ini tidak bermakna tiada perceraian berlaku di peringkat dewasa pertengahan iaitu antara umur 40 hingga 60 tahun. Malah, peningkatan kes cerai di peringkat umur tersebut dilihat semakin meningkat berdasarkan kepada statistik dari Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL) antara tahun 2012 hingga 2013.

Peningkatan kadar perceraian bagi pasangan dewasa pertengahan yang hampir menginjak akhir usia ini turut dipersetujui oleh Saedah Ghani (Arkib UTUSAN 2013), pakar kaunseling keluarga dengan merujuk kepada kes perceraian pasangan bekas Timbalan Presiden Amerika Syarikat, Al-Gore, 62 dengan isterinya, Tipper, 61 tahun yang telah mengakhiri perhubungan mereka selepas 40 tahun hidup bersama. Menurut beliau, perceraian di usia emas biasanya berlaku di peringkat kelima perkembangan keluarga di mana pada peringkat ini anak-anak sudah dewasa dan keluar dari rumah samada berkahwin atau melanjutkan pelajaran. Di peringkat ini juga pasangan akan tinggal berdua dan biasanya sudah berpencen. Pengkaji berpandangan isu perceraian ini serius kerana perceraian bukan sahaja memberi impak kepada pasangan itu sahaja, tetapi turut memberi kesan kepada anak-anak, dan juga struktur keluarga dari sudut psikologi, sosial dan juga ekonomi (Sabariah Baharum, 1989). Dari sudut psikologi, pasangan yang menghadapi perceraian akan mengalami kejutan untuk hidup bersendirian, gangguan emosi, perubahan tingkahlaku dan juga gangguan pemikiran. Gangguan emosi juga akan menyebabkan berlakunya penurunan prestasi di tempat kerja, pengabaian anak-anak dan juga masalah kesihatan mental. Nye dan rakan (1970) menyatakan remaja yang melalui perceraian ibu bapa mereka cenderung untuk berasa tertekan dan melakukan tingkahlaku negatif sebagai cara untuk melepaskan tekanan.

PERMASALAHAN KAJIAN

Umum mengetahui perceraian memberi kesan bukan sahaja kepada pasangan itu sendiri tetapi juga kepada semua individu yang ada di sekeliling mereka termasuklah anak-anak, keluarga dan juga masyarakat setempat. Impak yang diterima ini merangkumi kesan dari segi psikologi iaitu perubahan emosi, tingkahlaku dan juga pemikiran. Kurangnya strategi daya tindak pasangan dalam menghadapi perceraian mampu menyumbang ke arah berleluasanya penyakit mental dalam masyarakat. John H .Adam dan Nancy Williamson Adam (1979) dalam buku mereka '*Divorce; How and When to Let Go*' mendefinisikan kesihatan

mental sebagai suatu perasaan yang baik terhadap diri dan gaya hidup seseorang, serta mencapai matlamat asas samada dari segi interpersonal dan juga vokasional.

Perceraian yang berlaku bukan hanya memberi kesan terhadap kesihatan mental ibu bapa sahaja tetapi juga anak-anak (Nye 1957, Landis 1960). Kanak-kanak yang dibesarkan dalam persekitaran yang tidak mesra serta perkahwinan ibu bapa yang tidak gembira tidak akan melihat dunia sebagai suatu tempat yang baik, tetapi akan membesar dengan mengenal erti permusuhan dan kemurungan. Selain itu, perceraian ibu bapa turut menjelaskan konsep kendiri anak-anak (Norhayati Suaidi, 1994) di mana anak-anak yang ibu bapanya bercerai cenderung untuk merasa tidak selamat, marah, sedih, sunyi dan adakalanya mereka akan menyalahkan diri sendiri sebagai penyebab perceraian ibu bapa mereka.

Koziey (1982) turut menyokong pernyataan ini dengan menyatakan remaja yang mempunyai ibu bapa yang bercerai biasanya mempunyai konsep kendiri yang lemah, kurang kawalan diri, tidak pandai bergaul dan juga tidak kisah tentang penampilan diri. Perubahan kepada peranan sebagai ibu tunggal sedikit sebanyak memberikan tekanan kepada golongan isteri dan tidak mustahil berlakunya gejala negatif lain seperti penderaan kepada anak-anak akibat kegagalan dalam memainkan peranan yang pelbagai dalam rumah tangga.

Rohaty Mohd Majzub dan Muhd. Rais Abd Rahim (1999) dalam kajian mereka menyebut permasalahan yang dialami oleh golongan ibu tunggal mampu menyumbang kepada masalah sosial sekiranya masyarakat tidak prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh mereka. Hal ini kerana golongan ini sangat terdedah kepada masalah gangguan emosi dan juga gangguan mental.

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini juga membincangkan objektif-objektif kajian seperti yang berikut:

1. Mengkaji punca-punca yang mendorong ke arah berlakunya perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan (40 hingga 60 tahun)
2. Mengenalpasti punca yang paling banyak mempengaruhi perceraian dalam kalangan pasangan dewasa pertengahan.
3. Mengetahui peringkat-peringkat yang dilalui pasangan untuk bercerai sehingga berlaku perceraian berlaku.
4. Mengetahui pandangan responden terhadap institusi perkahwinan.
5. Mengetahui persediaan dan perancangan-perancangan masa depan yang dibuat oleh pasangan sebelum dan selepas perceraian.

METOD KAJIAN

Kajian adalah menggunakan kaedah kajian secara kualitatif di mana segala proses pengumpulan data kajian diperolehi berdasarkan pendekatan-pendekatan secara subjektif seperti temubual, pemerhatian mahupun penyemakan perkara-perkara yang berkaitan dengan persoalan kajian.

Set soalan yang dibina mempunyai dua bahagian utama iaitu bahagian satu dan bahagian dua. Bahagian satu melibatkan maklumat sosiodemografik responden. Bahagian dua menjurus kepada persoalan kajian yang hendak dikaji. Masa yang diperuntukkan bagi setiap sesi temubual adalah selama 1 jam.

Responden kajian telah dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) di mana pemilihan adalah berfokus kepada kumpulan tertentu dan bersesuaian dengan tujuan kajian iaitu untuk mengkaji faktor-faktor perceraian dalam kalangan dewasa pertengahan. Seramai tiga orang responden telah dipilih secara khusus iaitu mereka yang sudah dan akan bercerai dan berada dalam lingkungan umur 50 tahun dan ke atas.

KAJIAN LEPAS

Zainab, Wan Ibrahim dan Norlailahusna (2011), hasil dapatan kajian mereka mendapati faktor utama yang mendorong warga tua untuk bercerai adalah disebabkan oleh konflik dengan pasangan dan ditinggalkan pasangan. Data yang dikumpul melalui kaedah kuantitatif dan juga kualitatif menunjukkan tidak ramai daripada warga tua yang bercerai disebabkan oleh masalah kewangan.

Dapatan kajian oleh Roslelawati Abdullah dan Nordin Hussin dalam Kajian Malaysia (2014). Kajian yang dijalankan menggunakan kaedah penyelidikan arkib dan perpustakaan ini bertujuan untuk menganalisa permasalahan yang timbul dalam institusi perkahwinan Melayu Terengganu serta mengenalpasti faktor-faktor yang menjadi punca permasalahan tersebut. Hasil kajian mendapati perkahwinan dan perceraian orang Melayu di Terengganu dipengaruhi oleh dua faktor utama iaitu faktor ekonomi dan sosial.

Paul R.Amato dan Denise Previti (2003), mendapati faktor utama berlakunya perceraian adalah disebabkan oleh kecurangan pasangan, diikuti oleh faktor tiada keserasian dalam perhubungan, penyalahgunaan dadah, perbezaan jarak antara pasangan, kurangnya komunikasi, masalah personaliti dan juga penderaan mental mahupun fizikal. Dalam kajian tersebut, sebab-sebab spesifik yang menyebabkan perceraian individu telah dibezakan melalui beberapa aspek iaitu jantina, kelas sosial dan juga gaya hidup.

Kajian oleh Fumie Kumagai (2008), mendapati perceraian di usia tua semakin meningkat dalam kalangan pasangan yang sudah berkahwin lebih dari 20 tahun. Berdasarkan kajian tersebut, lima penemuan utama telah diperolehi iaitu: (1) Perceraian di usia tua telah meningkat secara dramatik sejak 30 tahun lalu, (2) Tiada peningkatan yang signifikan berlaku dalam kes-kes perceraian di usia tua dan kadarnya telah dikenalpasti sejak 2007, (3) Peningkatan kes-kes perceraian di usia tua berlaku terutamanya kepada golongan “*baby boomers*” yang lahir antara tahun 1947 dan 1949, (4) Semakin lama perkahwinan bertahan, semakin kurang pasangan bercerai dan (5) Faktor perceraian kalangan pasangan di usia tua berbeza dengan perceraian biasa secara umum. Kajian ini menjelaskan faktor berlakunya perceraian di usia tua adalah disebabkan perubahan terhadap pelan skim pencen

yang diperuntukkan di negara tersebut. Selain itu, perceraian berlaku adalah disebabkan oleh faktor-faktor yang berubah mengikut peredaran zaman. Antaranya disebabkan oleh zina, masalah kewangan dan juga tiada sefahaman dalam perhubungan. Faktor-faktor tersebut berubah dengan penambahan faktor lain seperti keganasan dan juga penderaan yang berlaku terhadap pasangan.

Constance Ahrons (2013) sebab berlakunya perceraian di akhir usia adalah disebabkan oleh tempoh perkahwinan yang terlalu panjang. Kajian tersebut juga mendapati sebanyak dua daripada tiga kes perceraian jenis ini diusulkan oleh isteri berbanding suami dan ini juga berlaku kepada perceraian di pertengahan dan akhir usia.

Lynn Gigy dan John B. Kelly (1992) terdapat sembilan dimensi faktor berlakunya perceraian termasuklah pasangan tidak mencapai keperluan emosi atau tinggal berjauhan, perbezaan gaya hidup, jemu dengan perkahwinan dan juga konflik besar. Selain itu, kesignifikanan jantina, umur dan juga perbezaan sosio-ekonomi turut dikenalpasti dalam dapatan kajian tersebut. Dapatan kajian mendapati hubungkait di antara faktor-faktor dan juga kefungsian psikologi individu dan ibu bapa, dan juga gangguan emosi akibat perceraian memberi kesan kepada kepelbagaiannya dalam kalangan populasi perceraian dan juga kesan kepada undang-undang dan juga amalan kesihatan mental.

Kajian oleh Mary A. Dolan dan Charles D. Hoffman (1998) yang bertajuk *Determinants of Divorce Among Women: A Reexamination of Critical Influences* yang telah dijalankan terhadap 130 orang wanita yang telah bercerai menunjukkan selain dari status sosioekonomi, ketidakserasan dan juga kurang sokongan emosi sebagai faktor yang kerap disebut sebagai penentu berlakunya perceraian. Selain itu, dapatan turut melihat perbezaan faktor perceraian wanita ini juga bergantung kepada tahap pendidikan.

HASIL KAJIAN

Hasil dapatan dikumpul melalui rakaman temubual yang diperolehi sepanjang sesi temubual dijalankan. Dapatan tersebut dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis kandungan (*thematic content analysis*) di mana pengkaji perlu menyusun dapatan mengikut sub tema-sub tema yang telah dikenalpasti oleh pengkaji dalam kajian ini. Pengkaji membuat pengkodan mengikut tema yang telah ditetapkan iaitu; (1) Faktor Perceraian, (2) Kaedah Perceraian, (3) Kesan Perceraian, (4) Pandangan Terhadap Institusi Perkahwinan dan (5) Penyesuaian dan Masa Depan.

FAKTOR YANG MENDORONG KEPADA PERCERAIAN

Faktor Personaliti Sendiri

Personaliti diri ini bermaksud sikap yang negatif yang ada dalam diri individu samada suami mahupun isteri. Sikap negatif yang dikenalpasti adalah seperti ego,

suka mengongkong dan juga cemburu yang melampau-lampau. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada pernyataan dari responden A dan B;

...Saya ni terlalu sayang sangat kat dia. Tapi, saya ni cemburu kuat sangat. Saya tak nak dia ada kawan lelaki. Sebab saya tahu dengan jiran saya, dia memang macam tu..

(Responden A)

...Sebab dengan dia, terkongkong. Memang. Kalau saya dengan anak-anak saya pun, dia macam jealous sangat. Dia nak saya duduk di rumah, dalam bilik tu. Macam tu je. Tak boleh nak bebas...

(Responden B)

Dapatan ini disokong oleh kajian bersama oleh Amy E. Rodrigues et al. dari Florida State University yang menyebut dua faktor utama penentu perceraian iaitu faktor sosiodemografi dan juga faktor perbezaan individu itu sendiri. Kajian bertajuk *What Predicts Divorce And Relationship Dissolution* ini menyatakan perbezaan individu ini termasuklah dari segi personaliti diri, latar belakang kesihatan, pandangan terhadap perceraian dan juga kawalan diri.

Faktor Masalah Seksualiti

Faktor ini dapat dilihat berdasarkan kepada pernyataan responden di bawah;

...maksud saya, tak da nafsu kat dia...

(Responden A)

...Sekarang, masalah paling jelas; 9 tahun saya berkahwin dengan dia, masalah batin dialah. Memang tak boleh langsung...

(Responden B)

Ismail Thambi (2010) menyokong pernyataan ini dengan menyatakan bahawa kes-kes perceraian, perbalahan berterusan, keruntuhan akhlak anak dan suami isteri yang wujud pada hari ini menjadi panduan untuk menilai sejauhmana masyarakat perlu memandang serius terhadap isu dan permasalahan seksual bagi pasangan berkahwin di negara ini.

Faktor Komunikasi

Faktor komunikasi antara pencetus kepada berlakunya perceraian. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada pernyataan dari responden A;

...Sebab dah tak dasefahaman, kan...

(Responden A)

Faktor ini disokong oleh Hamidah Ab. Rahman (2008) dalam kajiannya mendapati faktor penyumbang yang paling dominan bagi perceraian ialah ekonomi, komunikasi, urbanisasi dan pengangguran. Faktor komunikasi ini merangkumi permasalahan dari segi pasangan atau anak tidak memenuhi peranan yang diharapkan, anak tidak mahu mendengar cakap, isteri suka berleter dan pasangan suami isteri yang enggan berbincang.

Faktor Campur Tangan Dari Bekas Isteri

...Ini firasat saya la. Mungkin dia (bekas isteri) ada buat apa-apa kat saya, sampai saya tak da nafsu kat dia (isteri). Bila bersama saya jadi benci kat dia (isteri) tapi saya sangat sayangkan dia...

(Responden A)

Dapatkan kajian disokong oleh data dari Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang menyenaraikan tujuh faktor utama perceraian adalah disebabkan oleh masalah agama dan budaya, masalah seksualiti, campur tangan pihak ketiga, pengabaian tanggungjawab, masalah kesihatan, masalah sosial dan akhlak serta masalah ekonomi.

Faktor Gangguan Sihir

...Sampai pergi mana pun, yalah... Takda... Kami tak boleh nak bersentuh... Memang sihir tu ada. Kami pernah berubat dengan ustaz semua... Saya pun tak boleh nak cakap apa dah... Sebab bekas isteri dia pernah cakap dengan saya, dia takkan bagi la seorang perempuan pun tidur atas dia (suami)...

(Responden B)

Pengkaji merasakan walaupun faktor ini kurang mendapat tempat sebagai punca major perceraian, namun ia sebenarnya bukan lagi baru malah semakin banyak berlaku dalam masyarakat. Lebih menyedihkan lagi apabila pasangan suami isteri langsung tidak dapat menikmati keseronokan dalam hubungan suami isteri sepanjang tempoh perkahwinan hanya disebabkan oleh gangguan sihir ini.

Faktor Penyalahgunaan Dadah

Faktor ini boleh dilihat berdasarkan kepada pernyataan dari responden C;

...Nak kata akak ni teruk sangat perangai, takde lah. Akak dah usaha duduk rumah sendiri. Rumah sewa pun semua akak bayar. Tapi dia buat juga (menagih dadah). Macam mana kita nak tahan..

(Responden C)

Dapatan kajian ini disokong oleh kajian dari Textor (1989) yang menyatakan bahawa keperluan emosi yang tidak dipenuhi, kewangan dan masalah yang berkaitan pekerjaan, penglibatan pihak ketiga, perbezaan nilai dan matlamat, kesukaran dalam komunikasi, tingkahlaku pasangan yang buruk, pendekatan keibubapaan yang berbeza, penyalahgunaan dadah dan penderaan adalah contoh pelbagai sebab bermulanya ketidakpuasan hati dan kekecewaan pasangan yang boleh membawa kepada perceraian.

Faktor Kurang Didikan Agama

Individu yang kurang didikan agama cenderung untuk tidak melaksanakan tanggungjawab mereka dalam rumahtangga. Keadaan ini kemudiannya membawa kepada perceraian. Ini dapat dilihat berdasarkan kepada pernyataan dari responden kajian yang terlibat;

...Saya solat sendiri, dia solat sendiri..tu je..Kadang-kadang memang dia ada tinggal juga la solat..Dalam usia macam ni kan, kadang-kadang saya ajak juga “abang, solat”.. “nanti la..nanti” dia jawab..Kadang-kadang sampai bergaduh. Saya marahkan dia..

(Responden B)

Faktor ini sebenarnya adalah faktor terpenting yang perlu dititikberatkan kepada pasangan beragama Islam mahupun bukan beragama Islam. Ketirisan ilmu agama dalam kalangan pasangan menyebabkan pasangan tidak mengetahui tanggungjawab sebenar mereka sebagai suami isteri.

Laporan akhbar *Sinar Harian* bertarikh 29 Ogos 2012 pula memetik pernyataan dari Kadi Besar Negeri Johor yang menyatakan sebanyak 90 peratus daripada bilangan kes cerai yang dicatat di negeri tersebut didapati berpunca dari latarbelakang keluarga yang mengabaikan solat serta tidak mendekatkan diri kepada Allah.

Aamato dan Rogers (1997) pula mendapati kehadiran yang merosot ke tempat ibadah (gereja) adalah berkaitrapat dengan kemungkinan meningkatnya maalah-masalah yang dilaporkan bermula dengan cemburu, kemuraman, kecurangan, tingkahlaku negatif, pembaziran wang, penggunaan bahan terlarang dan juga mabuk.

Faktor Pengabaian Tanggungjawab

Faktor lain yang menjadi pencetus kepada perceraian ialah pengabaian tanggungjawab oleh pasangan. Ini jelas dapat dilihat berdasarkan kepada pernyataan dari responden C;

...Selama 25 tahun, setengah sen, satu sen pun dia tak bagi kat akak. Akaklah sendiri cari segala-galanya, sejak dari anak akak kecil sampai dah besarlah masing-masing...

...Akak mengandungkan anak akak dua bulan tu, sampai beranak semua, semua akak uruskan sendiri...

(Responden C)

Laporan akhbar *Berita Harian* bertarikh 4 Jun 2014 turut menyokong dapatan kajian terhadap faktor ini berdasarkan kepada kenyataan Musa Awang, Presiden Persatuan Peguam Syarie Malaysia (PGSM) yang menyatakan antara punca utama perceraian adalah disebabkan oleh pengabaian suami dalam memberikan nafkah kepada isteri.

Faktor Ditinggalkan Pasangan

Ini dapat dibuktikan dengan pernyataan dari responden C seperti berikut;

...sebab dia gantung akak tak bertali selama 25 tahun. Bayangkan anak lelaki akak yang akak mengandungkan dia masa suami menghilangkan diri, sampai anak akak dah 25 tahun dah sekarang ni...

...Tapi, tu la..masalahnya dia menghilang. Dia pun umur dah tua, takkanlah dia nak menghilangkan diri..Tu sebab akak pun tak tahu sekarang ni dia ke mana...

(Responden C)

Pernyataan ini disokong oleh Zainab et.al (2011) dalam kajian terhadap 70 warga tua dan 3 orang peserta kajian dan mendapati faktor utama pasangan bercerai adalah disebabkan oleh konflik dan juga ditinggalkan pasangan. Kajian tersebut melihat sebanyak 59.3 peratus adalah disebabkan oleh konflik dalam rumah tangga dan 33.3 peratus perceraian disebabkan oleh ditinggalkan pasangan.

KAEDAH PERCERAIAN

Dari segi keputusan untuk bercerai, pengkaji mendapati kebanyakan responden bercerai atas persetujuan bersama, kerelaan sendiri dan juga bercerai secara cerai taklik. Terdapat sokongan dari pihak ketiga yang menyebabkan berlakunya perceraian. Pernyataan dari responden A, B dan C;

...Untuk tuntut berpisah. Berpisah secara baik..Dia rela. Dia nak. Memang dia nak...

(Responden A)

...Saya ikut je, Puan. Kalau dia tak nak bebankan diri dia, saya nak buat macam mana. Dah puas dah saya menangis...

(Responden B)

...Sebenarnya akak dah lama dah nak minta cerai ni...Sebab hidup dengan orang macam tu, susah kita, hidup kita...memang dah lama. Memang niat nak minta cerai dah lama. Tapi, tak kesampaian sebab masa mahkamah panggil untuk cerai taklik dulu, dia tak datang...Rasa hati macam kecewa la, kan...

(Responden C)

Hasil dapatan mendapati kaedah perceraian berlaku secara perceraian persetujuan bersama antara suami isteri dan juga perceraian secara cerai taklik. Hasil dapatan ini disokong oleh Zainab et al. (2011) berdasarkan Soal Selidik Norlailahisna Razali (2005) yang mendapati hampir separuh dari perceraian warga tua yang berlaku adalah disebabkan oleh keinginan mereka sendiri iaitu sebanyak 44.4 peratus. Peratusan ini adalah lebih tinggi berbanding perceraian yang berlaku disebabkan oleh pengaruh pihak ketiga iaitu sebanyak 33.3 peratus. Kajian tersebut turut menyebut peperceraian dalam bentuk cerai taklik berlaku dengan peratusan sebanyak 7.4 peratus iaitu menyamai peratusan bagi perceraian secara fasakh.

Dalam kajian ini, responden telah menuntut perceraian secara cerai taklik disebabkan telah ditinggalkan oleh suami selama hampir 24 tahun. Perceraian secara taklik ini boleh dituntut oleh isteri sekiranya suami meninggalkan isteri tanpa memberikan apa-apa nafkah samada secara sengaja ataupun tidak sengaja selama 4 bulan dan lebih secara berturut-turut.

KESAN PERCERAIAN KEPADA KEFUNGSIAN PSIKOLOGI

Kesan perceraian jelas dilihat berdasarkan kepada dapatan dari Responden B dan Responden C. Kedua-dua responden wanita mengalami gangguan emosi dan juga kecelaruan pemikiran akibat dari perceraian mereka. Kesan psikologi ini termasuklah dari segi emosi, tingkahlaku dan juga pemikiran.

...Puas saya menangis dah...

(Responden B)

...Kalau nak ikutkan, ustazah..kita ni kalau betul-betul...Boleh jadi gila...

(Responden C)

Individu samada suami ataupun isteri yang mengalami perceraian akan melalui satu perjalanan yang sukar terutamanya di awal perceraian. Proses pengadaptasian pasangan bukan sahaja banyak berlaku kepada isteri, tetapi juga kepada suami.

Glasser (2000) menjelaskan bahawa manusia itu dilahirkan dengan lima keperluan asas utama dan menjadi pendorong kepada tingkahlaku individu. Lima keperluan tersebut termasuklah keperluan seksual, keperluan kasih sayang dan rasa dipunyai, kuasa dan pencapaian, kebebasan dan juga keseronokan. Menurut Glasser, sekiranya salah satu dari keperluan ini tidak dapat dipenuhi, individu akan mengalami gangguan dari segi psikologi termasuklah dari aspek kognitif, tingkahlaku dan juga emosi.

PENYESUAIAN DAN MASA DEPAN

Emosi

Hasil kajian mendapati bahawa kebanyakan responden bersikap berlapang dada dan redha dengan perceraian yang berlaku. Responden dilihat bersedia untuk menghadapi kehidupan baru selepas perceraian. Seorang responden wanita pula menyifatkan perceraian yang dialami sebagai satu cabaran besar untuk berhadapan dengan masyarakat. Hal ini sekaligus menunjukkan pengalaman perceraian adalah lebih sukar untuk diterima oleh golongan wanita berbanding lelaki. Emosi responden terhadap perceraian dapat dilihat berdasarkan dari ketiga-tiga responden;

...Takpe lah. Nak buat macam mana. Takde jodoh...

(Responden A)

...Cuma lepas ni saya kena kuat hadapi masyarakat...

(Responden B)

...Rasa akak, akak rasa nak buat apa, akak sorang, lagi senang...

(Responden C)

Kajian oleh Zainab et al. (2011) menyokong hasil dapatan ini di mana kajian terhadap warga tua di Kuala Terengganu menunjukkan penerimaan warga tua yang pelbagai terhadap perceraian. Berdasarkan kajian tersebut, terdapat empat bentuk penerimaan warga tua terhadap perceraian iaitu; (1) Mengharap Untuk Kembali (2) Mengharap Kahwin Semula (3) Menyesal Kerana Bercerai dan (4) Redha Dengan Perceraian. Daripada keempat-empat bentuk penerimaan ini, didapati sebahagian besar warga tua redha dengan perceraian yang dialami oleh mereka iaitu sebanyak 37 peratus berbanding peratusan dari bentuk penerimaan yang lain.

Amalan Kerohanian

Responden C mengambil langkah untuk mempertingkatkan amalan agama selepas perceraian. Hal ini diakui sendiri oleh responden akibat kekangan masa sewaktu bekerja sehingga mengabaikan kewajipan sebagai seorang Muslim. Pernyataan responden adalah seperti berikut;

...Emmm..fokus pada anaklah...fokus sembahyang ke apa..Sebab maklumlah kita bekerja kan, banyak perkara kurang. Cukuplah, akak buat amal ibadat apa semua. Tu sebab sekarang akak ni nak ngaji, nak buat amal ibadat semua, kan. Kalau boleh nak fokus mengajii...

(Responden C)

Perkahwinan Semula

Perkahwinan semula berlaku dalam kebanyakan perceraian namun peratusan perkahwinan semula adalah berbeza mengikut jantina. Pernyataan responden dapat dilihat seperti di bawah;

...Takde rasa apa-apa benda langsung. Tengok kawan-kawan ada juga bercerai senang kahwin. Tapi rasa akak, bila pandang, kau senang, tapi rasa diri akak tak boleh. Akak tak boleh terima sebenarnya. Tu sebab susah tu. Tak tahulah mungkin dah tertutup pintu hati nak berkahwin ke...

(Responden C)

Dapatan kajian ini disokong oleh Aline dan Eddie (1983) lebih dari 50 peratus golongan lelaki dan lebih kurang 25 peratus golongan wanita yang sudah bercerai telah berkahwin semula kira-kira 1 hingga 5 tahun selepas perceraian. Ini menunjukkan golongan yang bercerai ini tidak menolak perkahwinan semula, cuma bukan terhadap pasangan terdahulu. Ramai pasangan bercerai yang merancang untuk berkahwin semula di masa hadapan. Walaubagaimanapun, peluang untuk berkahwin semula dilihat lebih tinggi dalam kalangan lelaki berbanding wanita yang sudah bercerai.

Ekonomi

Penyesuaian responden terhadap aspek ekonomi keluarga selepas perceraian dapat dilihat berdasarkan kepada pernyataan responden seperti di bawah;

...Pendapatan dari sewa rumah tu ada sendirilah sedikit...

(Responden A)

...Mungkin lepas ni saya kena cari duit sendiri. Mungkin diorang (anak-anak) akan susah sedikit, cari wang untuk belajar. Selama ni suami support semua.. Apa nak, dapat...

(Responden B)

Sumber pendapatan adalah antara perkara penting yang perlu diambilkira oleh pasangan bagi penyesuaian selepas perceraian terutamanya bagi golongan wanita. Hal ini turut ditegaskan oleh Abigail J. Stewart, Anne P. Copeland, Nia Lane Chester, Janet E. Malley dan Nicole B. Barenbaum (1997) dinyatakan status ekonomi sosial yang kukuh dengan status kerjaya yang tinggi mampu memberi kelegaan kepada pasangan terhadap ketegangan kewangan yang biasanya berkaitrapat dengan perceraian. Kedudukan kerjaya yang stabil memberikan wanita suatu aura pencapaian dan kecekapan yang boleh dibawa masuk ke dalam arena keluarga.

KESIMPULAN

Kesimpulan dari tema utama yang ingin dikaji mendapati terdapat lapan faktor yang menjadi punca perceraian bagi pasangan dewasa pertengahan iaitu faktor personaliti sendiri, masalah seksualiti, masalah komunikasi, campur tangan pihak ketiga, penyalahgunaan dadah, kurang didikan agama, pengabaian tanggungjawab dan juga ditinggalkan pasangan. Bagi tema kedua, kaedah perceraian yang dipilih adalah bergantung kepada situasi yang dialami oleh responden. Perceraian juga dilihat boleh berlaku secara lafadz luar mahkamah atau suami telah melafazkan talak di rumah dengan pengetahuan isteri dan juga perceraian secara cerai fasakh. Cerai fasakh berlaku biasanya apabila suami tidak adil dalam poligami, penderaan terhadap isteri dan juga pengabaian nafkah dalam tempoh yang panjang. Tema ketiga menunjukkan kesan psikologi yang dialami oleh responden samada dari segi emosi, tingkahlaku dan juga pemikiran. Pengkaji mendapati kesan emosi lebih banyak dialami oleh responden wanita berbanding responden lelaki. Kesan kognitif pula dilihat apabila terdapat responden wanita iaitu tidak berkahwin semula selepas perceraian kerana khawatir perkara yang sama akan berlaku. Rumusan terhadap dapatan bagi tema penyesuaian dan masa depan selepas perceraian pula dapat dibuat dengan mengambilkira aspek-aspek seperti kestabilan emosi, hak penjagaan anak, peningkatan amalan kerohanian dan juga cadangan untuk berkahwin semula (*remarriage*) selepas bercerai.

BIODATA PENULIS

Noor Syaibah Shabuddin memperolehi Ijazah Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan kemudiannya melanjutkan pelajaran di peringkat Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini berkhidmat sebagai Pegawai Psikologi di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

Norazilah Johari memperolehi Ijazah Sarjana Muda Bahasa Inggeris dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Berkhidmat sebagai pensyarah Bahasa Inggeris di Kolej Universiti Islam Melaka dan kini sedang menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua di Universiti Malaya (UM).

Norhasima Abdullah memperolehi Ijazah Sarjana Muda Antropologi Sosiologi dari Universiti Sains Malaysia (USM) dan kemudiannya melanjutkan pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Psikologi Kaunseling di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kini berkhidmat sebagai pensyarah kaunseling di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM).

Syazwana Aziz memperolehi Ijazah Sarjana Muda Psikologi dengan Kepujian (Psikologi Kaunseling) dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan kemudiannya menyambung pelajaran di peringkat Ijazah Sarjana Sains Sosial (Psikologi Kaunseling) di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Berkhidmat sebagai pensyarah kaunseling di Kolej Universiti Islam Melaka (KUIM) dan kini sedang menyambung pelajaran di peringkat Doktor Falsafah di UKM dalam jurusan Psikologi Kaunseling.

RUJUKAN

- Adam, J.H., & Adam, N.W.1979. *Divorce: How And When To Let Go*. Prentice-Hall Inc.
- Ahrons, C. 2013. *Gray Divorces And The Family: Divorce Hurts Children Of All Ages, Even When They're Grown*.
- Amato, P.R. & Previti, D. 2003. People's Reason for Divorcing: Gender, Social Class, The Life Course, and Adjustment. *Journal of Famili Issues*, 24 (5), 602-626
- Anon. 2013. Statistik Perceraian Pasangan Beragama Islam Semakin Meningkat *Berita ABN*.
- Anon. 2014. Tidak Solat Punca Utama Cerai. *Sinar Harian*, 29 Ogos.
- Divorcing Men And Women. *Journal of Divorce & Remarriage*, Vol. 18 (1/2). The Haworth Press Inc.
- Dolan, M.A., & Hoffman, C.D. 1998. Determinants of Divorce among Women: A Reexamination of Clinical Influences. *Journal of Divorce & Remarriage*, Vol. 28 (3/4). The Haworth Press Inc.
- Gigy, L. & Kelly, J.B. 1992. Reasons for Divorce: Perspectives o
- Hamidah Ab Rahman. 2008a. *Isu Dan Faktor Keluarga Bermasalah Di Kalangan Orang Melayu: Kajian Kes Di Negeri Johor Darul Ta'zim*. Penerbit UTM
- Hamidah Ab Rahman. 2008b. *Faktor Penyumbang Kepada Masalah Keluarga Tunggal Dan Perceraian: Kajian Kes Di Johor Darul Ta'zim*. Penerbit UTM
- Kumagai, F. [n.d]. *Late-Life Divorce in Japan Revisited: Effects of the Old-Age Pension Division Scheme*. Kyorin University, Tokyo, Japan
- Norhayati Suaidi.1994. *Faktor-Faktor Peribadi Dan Keluarga Yang Berkaitan Dengan Konsep Kendiri Pelajar Remaja Dariada Keluarga Bercerai: Satu Kajian Kes*.Penerbit UTM
- Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat.2012. *Statistik Cerai Dan Rujuk Mengikut Umur Dan Jantina*.
- Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat.2013. *Statistik Cerai Dan Rujuk Mengikut Umur Dan Jantina*.
- Rodrigues, A.E., Hall, J.H., Buffalo, S., & Fincham, F.D. [n.d]. *Predictors of Divorce And Relationship Dissolution*. Florida State University
- Roslelawati Abdullah & Nordin Hussin. 2014. Perkahwinan dan Perceraian Masyarakat Melayu Terengganu 1950-an 1970-an. *Kajian Malaysia*. Vol.32, No. 1, 2014, 81-117. Penerbit USM.
- Sapora Sipon & Rohaya Hussin. 2012. *Teori Kaunseling dan Psikoterapi*. Nilai. Universiti Sains Islam Malaysia

- Stewart, A.J, Copelan, A.P., Chester, N.L., Malley, J.E & Barenbaum, N.B.
1997.*Separating Together: How Divorce Transforms Families.* The
Guilford Press. New York London.
- Zainab Ismail, Wan Ibrahim Wan Ahmad & Norlailahusna Razali. 2011. Faktor
Pendorong Perceraian Warga Tua Di Daerah Kuala Terengganu,
Terengganu. *Jurnal al-hikmah 3 2011:* 103-119